

DATE: 5 / 11 / 2007

Negara dapat lesen hasilkan M4 Carbine

KUALA LUMPUR 4 Nov. - Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Malaysia telah memperolehi lesen untuk memasang senapang Colt M4 Carbine 5.56mm bagi kegunaan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pertahanan berkata, senjata tersebut akan menggantikan senapang jenis raifal Steyr dan juga berkemungkinan akan dieksport.

"Kita akan ganti senjata tidak lama lagi kerana kita tunggu kelulusan Kongres

Amerika Syarikat (AS), saya difahamkan Kongres sudah beri kelulusan untuk pembelian senjata itu.

"Berhubung lesen pembuatan pula, kita akan terima senjata secara komponen dipasang sepenuhnya (CBU) dahulu dan lepas itu kita akan buat dalam negara.

"Jadualnya sudah ada dan saya boleh memberi butirannya kemudian," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menutup Kursus Kepimpinan Kelab UMNO Luar Negara 2007 di

sini hari ini.

Pada majlis tersebut, beliau ditanya mengenai penggantian senjata tersebut dan usaha Kementerian Pertahanan untuk membangunkan industri pertahanan tempatan.

Tahun lalu, Najib mengumumkan penggantian semua senjata jenis raifal Steyr kepada Colt M4 Carbine 5.56mm secara berperingkat mulai tahun tersebut.

Buat permulaan, katanya, sebanyak 14,000 pucuk senjata jenis itu akan dibekalkan kepada ATM menerusi peruntu-

kan RM70 juta dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Najib berkata, penggantian itu dibuat kerana kemampuan dan penggunaan Colt M4 Carbine 5.56mm lebih serasi dan berkesan berbanding Steyr yang terhad dalam perkembangan penyelidikan dan pembangunannya (R&D).

Penggantian senjata ini, kata beliau, akan membolehkan pasukan tentera negara menjadi pasukan masa depan yang dilengkapi senjata paling moden yang lebih berkeupayaan.

UM - 5/11/2007